

Sukarelawan teruskan inisiatif bantu penduduk Kampung Ulu Tual

BUKURESTI 21 NY 2017 (KHAMIS) H5: V55

Nanum Village: A Community Sharing Programme

→ Seramai 18 pelajar UTeM menyajikan aktiviti bersama kanak-kanak di Pusat Didikan Komuniti pada program susulan di Kampung Ulu Tual



Sebahagian daripada sukarelawan yang menabur bakti melalui inisiatif 'Nanum Village: A Community Sharing Programme'.

Kuala Lipis: Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) melaksanakan aktiviti kesukarelawanan *Nanum Village: A Community Sharing Programme* bagi membantu penduduk Kampung Ulu Tual di sini.

Program tiga hari, baru-baru ini, dijalankan melalui Pusat Pembangunan Komuniti dan I-CoE (PPK & I-CoE), Pejabat Penolong Naib Can-

selor Jaringan Industri dan Masyarakat).

Pengarah PPK & I-CoE, Prof Madya Dr Mohamad Zoinol Abidin Abd Aziz, berkata inisiatif itu adalah kesinambungan program berfasa yang diperkenalkan sejak Ogos 2015.

"Melalui program ini yang turut mendapat kerjasama Nanum Village: A Community Sharing Programme sudah diadakan pada Mei dan Sep-

Malaysia Pahang (UMP) dan Samsung Malaysia Electronics (SME) Sdn Bhd, satu kemudahan tenaga solar berjaya dibangunkan di Pusat Didikan Komuniti kampung itu.

Program susulan

"Dua program susulan *Nanum Village: A Community Sharing Programme* sudah diadakan pada Mei dan Sep-

tember tahun lalu.

"Bagi meneruskan usaha sama antara universiti, industri dan komuniti, program susulan diadakan sekali lagi pada 21 Oktober lalu bertema 'Samsung Love Care' dengan kerjasama KPT, SME, Universiti Malaya (UM), UTeM, UMP serta Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)," katanya.

Yang turut hadir pada

program susulan itu ialah Pengarah Jabatan Hal Ehwal Korporat SME, Datuk Roh Jae Yeol; Pengarah Bahagian Hubungan Industri KPT, Prof Madya Dr Arham Abdullah; Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik UTeM, Prof Madya Ir Dr Md Nazri Othman; dan Penolong Pendaftar Kanan PPK & I-CoE UTeM, Syamsul Iqbal Mohd Akin.

Antara aktiviti dijalankan

ialah demonstrasi penggunaan air bersih yang diterajui oleh UM dan peralatan robot daripada CEO Faculty Programme UTeM, pemeriksaan kesihatan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM), sesi pembelajaran kanak-kanak menggunakan aplikasi tablet daripada Samsung, serta pertandingan sukan antara delegasi dengan masyarakat setempat.



Kanak-kanak di Kampung Ulu Tual mengikuti sesi pembelajaran menggunakan aplikasi tablet.